

# Zaiful juara Chap Goh Mei

SERAMAI 132 pemain beraksi pada kejohanan tahunan, Golf Klasik Chap Goh Mei, di Stafffield Country Resort, 7 Mac lalu.

Tuah menjadi milik pemain handikap dua, Zaiful Nizam apabila muncul juara dengan catatan gross 72 pukulan, diikuti Low Suck Sun, 76 OCB dan Soldin Sidol, 76 OCB.

Kategori medal A (handikap 0-14) menyaksikan pemain berhandikap 14, Othman Md Piah bergelar juara selepas mengumpul 41



**UNGGUL...** Zaiful (kanan) menerima trofi daripada Pengurus Stafffield Country Resort, Faiezal Kamal.

mata manakala Koh See Cheng (11) naib juara dengan 40 mata. Tempat ketiga milik Ho Chwee Hong (11), 39 mata.

Medal B (15-24) menyaksikan Eric Lim Kok Keong (20) memenangi kategori itu menerusi catatan 41 mata, disusuli Mohd Zam Zam (18), 40, dan Billy Kum (16), 37 OCB.

Saingan kategori wanita pula diungguli Zuraidah Omar (20), 37, manakala Cindy Liew (22) di tempat kedua dengan 34 dan Gessarin Bjornbye (18), 33.